

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN :

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:-**

- (a) kenapa dengan adanya lebih berpuluh ribu restoran hanya 1,741 buah restoran sahaja yang telah disahkan halal dan daripada lebih 2,000 buah hotel dan resort hanya 423 hotel yang memiliki sijil halal; dan
- (b) bagaimana Kerajaan memantau status restoran-restoran, hotel-hotel dan resort-resort yang belum diiktiraf dengan status halal.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pensijilan Halal Malaysia adalah bersifat sukarela berdasarkan permohonan. Sijil Pengesahan Halal Malaysia hanya dikeluarkan bagi pemohon yang memenuhi syarat dan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Pensijilan Halal Malaysia adalah bergantung kepada tahap pematuhan sesebuah syarikat terhadap standard dan peraturan Pensijilan Halal Malaysia yang ditetapkan.

Mengikut data permohonan Pensijilan Halal Malaysia bagi tahun 2014, sebanyak **6,064** permohonan yang diterima oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM)/ Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), dan dari jumlah tersebut, sebanyak **4,118** permohonan sahaja yang layak diberikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia setelah pemeriksaan yang ketat dijalankan. Bagi Pensijilan Halal Malaysia di bawah skim premis makanan yang meliputi restoran, dapur hotel, kafeteria, medan selera, kantin, kiosk, katering dan lain-lain adalah sebanyak 1142 permohonan diterima dan dari jumlah tersebut, sebanyak 680 permohonan yang layak mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

Selain daripada faktor di atas, kurangnya bilangan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia bagi restoran dan hotel dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut, iaitu:

- i. kurangnya tahap kesediaan dan komitmen pengusaha restoran dan hotel terhadap kepentingan Sijil Pengesahan Halal Malaysia, dan
- ii. sebahagian pengguna kurang memberi penekanan terhadap Sijil Pengesahan Halal Malaysia semasa memilih restoran dan hotel.

Walaupun bagaimanapun, kesedaran pengguna dan pengusaha restoran dan hotel didapati semakin meningkat berdasarkan kepada jumlah permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia. JAKIM bersama agensi-agensi lain akan terus meningkatkan aktiviti promosi dan kesedaran bagi menggalakkan permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia terutamanya pengusaha bumiputera.

- b) Berkaitan pemantauan, JAKIM sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala ke atas semua pengusaha restoran, hotel dan resort yang mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Bagi restoran, hotel dan resort yang tidak memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia dan tidak membuat sebarang pengisytiharan bahawa premis tersebut adalah halal, maka mereka tidak melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya pengusaha restoran, hotel dan resort tidak memperoleh Sijil Pengesahan Halal Malaysia tetapi menggunakan penandaan halal atau ungkapan yang memberi

maksud restoran, hotel dan resort berkenaan adalah halal seperti iklan promosi "buffet Ramadhan", maka pemantauan dan penguatkuasaan akan dijalankan. Langkah penguatkuasaan ini dilaksanakan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Sekian, terima kasih.